

02 JUN 2000

Kadir-Istilah

ISTILAH LANGKAWI PULAU PELANCONGAN LEBIH SESUAI, KATA KADIR

LANGKAWI, 2 Jun (Bernama) -- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyambut baik usaha kerajaan negeri Kedah untuk mendapatkan status bandaraya pelancongan bagi Langkawi, tetapi berpendapat istilah Langkawi Pulau Pelancongan sebagai lebih sesuai.

Menterinya Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata istilah itu dapat memberi gambaran menarik kepada pelancong daripada menggunakan istilah bandaraya.

"Oleh kerana Langkawi terkenal sebagai pulau pelancongan adalah lebih baik istilah itu digunakan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan pakej "Makan Malam Bersama 5,000 ikan di Underwater World, akuarium laut terbesar di sini malam tadi.

"Istilah bandaraya tidak sesuai dengan Langkawi kerana istilah itu akan menyamakan pulau peranginan ini, yang kaya dengan keindahan alam semulajadi, dengan bandar-bandar lain seperti Pulau Pinang dan Ipoh yang mempunyai banyak bangunan pencakar langit," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa melancarkan Fiesta Langkawi Rabu lepas berkata kerajaan pusat bersedia menimbang cadangan kerajaan negeri Kedah untuk mendapatkan status itu bagi Langkawi.

Sementara itu, Abdul Kadir berkata kompleks membeli belah di negara ini perlu menyediakan stok pelbagai barangan indah dan menarik dari seluruh dunia sebagai persediaan menyambut Karnival Membeli Belah yang akan diadakan secara besar-besaran Ogos ini.

Beliau berkata kerajaan mahu mereka serius berhubung perkara itu selaras dengan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia negara membeli belah antarabangsa yang unggul.

Pengurusan kompleks membeli belah boleh menghantar pegawai pembelian mereka ke seluruh dunia bagi mendapatkan barangan yang berkualiti.

"Barang-barang indah seperti sulaman dan kain alas meja boleh didapati dengan murah di Iran, India, Turki, Syria dan China dan dapat dijual dengan harga berpatutan," katanya.

Katanya promosi karnival itu akan diadakan secara besar-besaran di Singapura, Thailand, Indonesia, India dan China dan Timur Tengah.

Selain menghias bangunan, beliau juga mahu kompleks membeli belah mengadakan pelbagai aktiviti kebudayaan untuk mewujudkan suasana karnival dalam ertikata sebenarnya.

"Pihak berkuasa tempatan pula hendaklah menghias bandar masing-masing bagi menghidupkan suasana karnival", katanya.

Kementerian akan mengadakan perjumpaan dengan sektor swasta pada 12 Jun ini untuk memastikan mereka bekerjasama menjayakan karnival itu, yang akan dilancarkan oleh Dr Mahathir, katanya.

-- BERNAMA

NH RI